

Majoriti Masyarakat Siam Penyokong Kuat BN - Senator Bernama
13 April, 2013

TUMPAT, 13 April (Bernama) -- Majoriti masyarakat Siam menyokong Barisan Nasional (BN) dan berharap kerajaan BN akan terus memerintah negara hasil kejayaan pilihan raya umum ke-13, kata senator yang mewakili masyarakat itu.

Anggota Dewan Negara Datuk Boon Som Inong berkata terdapat kira-kira 80,000 masyarakat Siam di negara ini dan 43,000 daripadanya layak untuk mengundi pada 5 Mei ini.

"Tidak dinafikan terdapat segelintir masyarakat Siam mungkin di Kedah dan Kelantan yang menyokong pembangkang khususnya PAS tetapi majoriti masyarakat Siam penyokong kuat BN. Masyarakat Siam ini daripada dahulu lagi sehati dengan perjuangan BN," katanya kepada Bernama selepas menghadiri Perayaan Songkran dan Pesta Air Kelantan 2013 di Wat Sukhontharam, Kampung Kubang Panjang di sini Jumaat.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam mesejnya kepada masyarakat Siam sempena Hari Songkran semalam, berkata BN akan memastikan masyarakat Siam terus menikmati pelbagai keistimewaan sama seperti yang dinikmati Bumiputera lain jika BN terus diberi mandat pada PRU13.

Perdana menteri berharap masyarakat Siam di negara ini akan menambahkan lagi keazaman, tekad dan kesungguhan untuk terus berusaha dan bekerja dengan lebih gigih dan tekun demi kesejahteraan dan kemakmuran diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Boon Som berkata masyarakat Siam faham dan menghargai sumbangan yang diberikan kerajaan BN terutama mereka boleh memiliki tanah rizab Melayu dan anak-anak mendapat pendidikan yang terbaik.

"Perdana menteri sudah mengumumkan secara hitam putih bahawa masyarakat Siam ialah Bumiputera. Pengiktirafan ini amat dihargai oleh masyarakat Siam," katanya.

Beliau berkata manifesto BN untuk pilihan raya umum ini yang dilancarkan perdana menteri baru-baru ini, mengambil berat terhadap keperluan semua kaum termasuk masyarakat Siam dan kaum minoriti yang lain.

"Manifesto pembangkang seperti di Kedah tidak menyentuh keperluan masyarakat Siam hanya banyak tangkap muat...masyarakat Siam selalu dipinggirkan, peruntukan kebudayaan khusus tidak ada, mereka mengambil ringan keperluan masyarakat Siam," katanya.

Boon Som berkata masyarakat Siam menyedari mengubah pentadbiran kepada sebuah kerajaan yang tidak cekap akan menjejaskan masa depan rakyat negara ini maka adalah baik mengekalkan kerajaan BN yang mempunyai rekod prestasi memerintah negara dengan cemerlang.

Masyarakat Siam menghargai keamanan dan keselamatan yang terjamin, membolehkan mereka menyambut sesuatu perayaan seperti Hari Songkran dengan aman dan harmoni, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=941770>